

# SERIBU SATU MASALAH WANITA

## Pil penahan haid



Petikan Hadis



*Sesungguhnya perkara ini (haid) sudah ditentukan Allah ke atas anak perempuan Adam. Maka, tunaikanlah apa saja yang biasa dikerjakan oleh seseorang yang mengerjakan haji, kecuali tawaf di Baitullah sehingga kamu suci. (HR al-Bukhari)*

Kebiasaan jemaah haji wanita yang menunaikan ibadah haji sering mengalami masalah yang tidak diduga atau jarang dialami di tanah air. Masalah utamanya adalah yang berkaitan pendarahan, sama ada istihadah, pendarahan selepas usia, masalah keputihan dan yang sangat popular adalah masalah haid. Ia sering berlaku di luar daripada kebiasaan yang dialami di tanah air. Ini mungkin disebabkan perubahan cuaca atau keadaan yang menyebabkan tekanan.

Perkara berkaitan haid ini adalah normal bagi wanita tapi apabila sedang menjalankan ibadah haji ia jadi kalut semacam. Malah pernah terjadi pada zaman Rasulullah s.a.w. sebagaimana hadis Aisyah meriwayatkan: "Kami keluar dari Madinah menuju ke Mekah untuk menunaikan haji. Apabila kami tiba di Saraf, aku didatangi haid. Rasulullah s.a.w. masuk menemui ketika

aku sedang menangis. Baginda bertanya: Kenapa kamu menangis? Adakah kamu didatangi haid? Aku menjawab: Ya! Maka Baginda bersabda maksudnya: Sesungguhnya perkara ini (haid) sudah ditentukan Allah ke atas anak perempuan Adam. Maka, tunaikanlah apa saja yang biasa dikerjakan oleh seseorang yang mengerjakan haji, kecuali tawaf di Baitullah sehingga kamu suci. (HR al-Bukhari).

Bagi mengelakkan urusan haji terganggu atau tergendala, ada jemaah wanita yang mengambil pendekatan penahan haid dari keluar dengan menggunakan ubat-ubatan atau pil penahan haid yang ada dijual di farmasi atau klinik-klinik kesihatan. Menurut pendapat Dr. Anisah Abdul Ghani, selaku Ahli Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji, Tabung Haji (UAKIM) ialah, katanya mengikut kepada perbincangan dan jumar



Dr. Anisah Abdul Ghani

ulama, harus hukumannya mengambil pil penahan dari keluarnya haid bagi memberi kelancaran dalam melakukan ibadah haji. Walau bagaimanapun, pil atau ubat tersebut mestilah tidak memudaratkan kesihatan dan sememangnya terbukti berkesan.

Ini kerana pengambilan ubatan bagi tujuan ini ada yang berhasil, namun ada juga yang gagal. Malah lebih malang pendarahan berlaku dalam keadaan tidak menentu, ada yang pendarahan berlaku berpanjangan, ada juga pendarahan berlaku dalam kuantiti yang amat banyak melebihi keadaan biasa.

Keadaan ini mungkin berlaku disebabkan wanita terbabit mengambil ubatan tanpa mendapat nasihat pakar sakit puan terlebih dahulu atau tidak memakan ubatan mengikut nasihat dan peraturan ditetapkan. Oleh itu, adalah dinasihatkan bagi wanita yang berhasrat untuk mengambil ubatan bagi tujuan menahan daripada kedatangan haid mestilah terlebih dahulu mendapatkan nasihat pakar sakit puan.

Kebiasaan pil penahan haid diambil kerana jemaah bimbang tidak dapat menyempurnakan haji mereka disebabkan dalam keadaan hadas. Namun, bagi Dr. Anisah sendiri tidak menggalakkan jemaah mengambil pil tersebut kerana dibimbangi berlaku pelbagai kemudaratan lain. Bahkan Dr. Anisah memberitahu agar para jemaah wanita jangan khuatir jika haid tetap datang sewaktu di Tanah Suci. Ini kerana selaku agama yang sangat sempurna dan lengkap, Islam ada menyediakan cara lain bagi wanita untuk mencapai kesempurnaan dalam haji seperti yang pernah dibincangkan dalam Muazarah Haji Tabung Haji.

### 1 DATANG HAID SEBELUM BERNIAT IHRAM

Boleh melakukan perkara sunat sebelum ihram seperti memotong kuku, mencukur bulu ari-ari, mencabut bulu ketiak, boleh mandi sunat ihram dan boleh berniat untuk ihram sekalipun dalam keadaan tidak suci.

### 2 DATANG HAID SELEPAS BERNIAT IHRAM

Dibenarkan melakukan semua kerja haji: Wuquf di Arafah, bermalam di Mudzaliifah, bermalam di Mina, melontar kesemua jamrah dan membaca doa-doa berkaitan, berzikir dan bertalbiah, kecuali tawaf. Wanita yang datang haid semasa di Mekah dibolehkan berzikir, tahmid, tahlil, takbir dan talbiah.

### 3 NIAT HAJI TAMATUK DAN DATANG HAID SEBELUM TAWAF

Sekiranya wanita memilih melakukan haji tamatuk kemudian datang haid sebelum tawaf umrah dan dibimbangi luput haji, dia boleh berniat ihram haji dan umrah (qiran). Dengan itu, dia bertukar daripada haji tamatuk kepada haji qiran. Ini adalah pandangan majoriti fuqaha dan wajib bayar dam.


### 4 HAID DATANG KETIKA MENERJAKAN TAWAF UMRAH

Jemaah haji wanita yang telah berniat melakukan haji tamatuk atau umrah sunat, tetapi mengalami kedatangan haid semasa melakukan tawaf, sama ada berlaku selepas langkah pertama pada pusingan pertama, atau pada pusingan-pusingan seterusnya adalah tidak sah tawafnya. Jemaah terbabit dikehendaki menunggu sehingga suci

daripada haid, kemudian melakukan tawaf semula. Selepas itu sudah boleh melakukan sai dan bergunting. Dengan itu, umrahnya dianggap telah selesai.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya haid wanita itu tidak suci sehingga masa hendak berangkat melakukan wuquf di Arafah, bererti ibadat umrahnya belum selesai. Dalam keadaan seperti ini, terdapat dua pendapat mazhab yang berbeza iaitu: PERTAMA. Mazhab As Syafi'i berpendapat wanita terbabit tidak boleh memasukkan sekali niat hajinya dalam umrah tamatuk yang belum selesai itu kerana telah memulakan tawaf. Hal ini bermakna wanita itu tidak dapat melakukan ibadah haji pada tahun tersebut.

KEDUA. Bagi mazhab Maliki, wanita terbabit masih boleh memasukkan niat hajinya ke dalam umrah yang belum selesai itu selagi dia belum mengakhiri tawafnya dengan melakukan solat sunat tawaf dua rakaat. Dengan memasukkan niat hajinya ke dalam umrah yang belum selesai itu, hajinya telah bertukar menjadi haji qiran. Dia juga dikenakan dam haji qiran. Oleh hal demikian, bagi wanita yang mengalami keadaan seperti ini dinasihatkan supaya bertaklid dengan mazhab Maliki. Sekiranya dam tamatuk telah dibayar, dam itu akan bertukar menjadi dam qiran.



## 5 DATANG HAID SELEPAS WUQUF DAN TAWAF RUKUN

Sekiranya wanita datang haid selepas wuquf di Arafah dan selepas tawaf rukun sedangkan haidnya tidak lagi suci sehingga hampir masa hendak pulang ke tanah air, dia tidak perlu tawaf wada' dan tidak dikenakan dam.

## 6 DATANG HAID SEBELUM TAWAF RUKUN HAJI

Sekiranya haid datang sebelum tawaf rukun sedangkan tarikh penerbangan pulang ke tanah air telah hampir dan tidak memungkinkan jemaah wanita yang sedang haid itu suci, ada tiga kaedah penyelesaian yang boleh dipilih oleh wanita terbabit yakni:


### TANGGUH PENERBANGAN

Jemaah itu boleh memohon penangguhan tarikh pulang daripada pihak pengurusan Tabung Haji ke tarikh dia selesai melakukan tawaf rukun. Sebaliknya urusan memohon penangguhan tarikh pulang ini dibuat seminggu sebelum bertolak ke Arafah, khususnya bagi mereka yang dijadualkan pulang dengan penerbangan awal.

### PULANG KE TANAH AIR DENGAN MEMBAYAR DAM IHSAR

Jemaah terbabit boleh pulang ke tanah air tanpa tawaf rukun, namun beliau dikehendaki melakukan dan *ihsar* untuk membebaskannya (tahalul) daripada keadaan ihram. Cara ini adalah menurut pendapat Imam Syafi'i. Dam *ihsar* hendaklah dilakukan setelah keluar dari Mekah sekadar dua marhalah atau setelah sampai ke tanah air (Malaysia). Selagi dam *ihsar* belum dibuat, jemaah terbabit masih berada dalam *tahalul thani* dan masih terikat dengan tiga lagi perkara larangan semasa dalam ihram, iaitu berkahwin, bersetubuh dan melakukan mukadimah persetubuhan. Cara melakukan dam *ihsar* ialah:

Menyembelih seekor kambing yang cukup syarat dijadikan korban



atau akikah dengan niat melakukan dam *ihsar*, kemudian bercukur atau bergunting. Oleh itu, beliau sudah terlepas daripada kesemua larangan tersebut seperti di atas.

Sekiranya tidak mampu menyembelih seekor kambing, beliau hendaklah membeli makanan asasi dengan nilai seekor kambing dan dibahagikan kepada fakir miskin tempatan.

Sekiranya tidak mampu juga, beliau hendaklah berpuasa beberapa hari, sebanyak bilangan cupak makanan asasi yang dapat dibeli dengan nilai seekor kambing.

Perlu diingat, sekalipun telah melakukan dam *ihsar*, haji wanita itu belum dianggap selesai selagi dia belum melakukan tawaf dan saie. Rukun haji yang belum selesai ini bolehlah dilakukan pada bila-bila masa dan tidak terikat dengan bulan-bulan haji. Namun begitu, wanita terbabit dinasihatkan supaya segera melakukannya apabila dia mampu.

### TAWAF DALAM KEADAAN HAID

Jemaah boleh melakukan tawaf rukun dalam keadaan haid dan beristighfar kepada Allah kerana melakukan dosa memasuki masjid dalam keadaan haid. Beliau dikehendaki membayar dam dengan menyembelih seekor unta. Dengan proses ini hajinya dianggap telah sempurna. Cara ini adalah menurut mazhab Hanafi. Oleh itu, jemaah terbabit bertaklid dengan mazhab Hanafi. **A**

